

Tatabahasa

Analisis kesalahan kata dan frasa dalam petikan. Tulis pembetulan bagi setiap kesalahan tersebut pada jadual yang diberikan. **12 MARKS**



Penggera Brek Kecemasan Automatik (AEB) merupakan satu **dari** Sistem Bantuan Pemandu (ADAS) yang dicipta **demi untuk** mengurangkan **kemalangan kadar jalan raya**. Sistem AEB menggunakan teknologi radar atau kamera untuk mengesan pelanggaran yang akan berlaku dengan kenderaan atau objek di hadapan. Sistem AEB dapat membrek kenderaan secara automatik untuk mengelakkan kemalangan atau mengurangkan impak kemalangan.

Kawalan Jelajah Adaptif (ACC) pula berfungsi untuk **mengekal** jarak kenderaan dengan kenderaan di hadapan dan menyesuaikan kelajuan kenderaan. Satu lagi sistem ADAS **adalah** Penggera Keluar daripada Laluan (LDW). Sistem ini dapat memantau kedudukan kenderaan menerusi kamera. Amaran berbentuk visual atau lisan akan dikeluarkan **pada** pemandu sekiranya kenderaan mereka terkeluar daripada laluan tanpa memberikan isyarat.

Kesalahan	Pembetulan
1 dari	
2 demi untuk	
3 kemalangan kadar jalan raya	
4 mengekal	
5 adalah	
6 pada	

Nota Tatabahasa

Kesalahan Umum Tatabahasa (Kata)

Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama:

Kata sendi nama 'dari' tidak boleh digunakan untuk menunjukkan puncak bagi manusia atau benda. Ia menunjukkan perbandingan atau perbezaan.

Kata sendi nama 'demi' yang bermaksud 'tujuan' tidak boleh digunakan serentak dengan kata sendi nama 'untuk'.

- Kata sendi nama 'pada' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia.

Salah	Betul
dari	daripada
demi untuk	demi/untuk
pada	kepada

Kesalahan Penggunaan Kata Pemerl

- Kata pemerl 'ialah' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama.
- Kata pemerl 'adalah' digunakan di hadapan kata adjektif atau frasa adjektif dan kata sendi nama atau frasa sendi nama.